



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN DAN KESESUAIAN MODUL BERLAGU PANTUN DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN NOVEL AZFA HANANI UNTUK PELAJAR
TINGKATAN 4

AZRINA BINTI ARIFFIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi




PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan yang setiap saya jelaskan sumbernya

DISEMBER 2010

Tandatangan




.....
(AZRINA BINTI ARIFFIN)
M2008100093



PENGHARGAAN

BISMILAHIRRAHMANIRRAHIM

Dengan nama ALLAH yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Allah S.W.T dengan izinnya dapat saya menyiapkan penyelidikan ini. Selawat dan salam ke atas nabi junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat baginda.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Seri Lanang Jaya Haji Rohani atas tunjuk ajar yang diberikan sehingga terhasilnya satu kertas projek yang disiapkan dengan sempurna. Insyaallah segala teguran yang diberikan akan dijadikan azimat dan panduan untuk penyelidikan masa depan.

Tidak lupa juga kepada suami tersayang, Amat Bin Zakaria. Terima kasih atas pengorbanan dan sokongan selama ini. Ayahanda dan Bonda tercinta dengan restu yang diberikan.

Akhir sekali, terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dalam menghasilkan kertas projek ini. Semoga kita semua bersama-sama mendapat kejayaan.

Azrina Binti Ariflin

Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjong Malim, Perak.



ABSTRAK

Menyedari akan kepentingan novel dalam Sijil Pelajaran Malaysia boleh mempengaruhi markah atau gred pencapaian murid yang lemah pengkaji telah membina sebuah Modul Teknik Berlagu untuk mengingat genre-genre yang ada dalam novel dengan memfokuskan kepada genre nilai dan pengajaran. Modul ini dibina khusus bagi pelajar yang lemah dan sukar untuk mengingat fakta. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah sekitar Dacrah Kinta Utara bagi menguji kesesuaian dan keberkesanan modul kepada guru dan pelajar. Seramai 30 orang pelajar dijadikan responden dalam penyelidikan ini terdiri daripada pelajar Melayu, Cina dan India. Kajian ini telah menggunakan praujian dan pascaujian untuk melihat keberkesanan Modul. Daripada ujian yang dijalankan, terdapat perbezaan min praujian (3.53%) dan pascaujian (12.03%). Ini membuktikan bahawa modul ini mempunyai kesesuaian dan berkesan kepada murid (7.50%). Selain itu, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu soal selidik bagi mendapat maklum balas daripada guru dan murid tentang keberkesanan dan kesesuaian modul. Berdasarkan kajian yang telah dibuat didapati modul Teknik Berlagu sesuai digunakan oleh semua guru dan murid lemah kerana terdapat perbezaan min antara praujian dan pascaujian. Selain itu, Modul Teknik Berlagu ini dapat dimanfaatkan dan dikongsi dengan guru-guru dari sekolah yang lain.





ABSTRACT

Recognizing the importance of the novel in the Sijil Pelajaran Malaysia may affect students' achievement scores or poor grades researchers have built a module sing technique to remember that there are genres in the novel by focusing on values and teaching genre. This module is built specifically for students who are weak and difficult to remember facts. This study was conducted in a school around North Kinta District to test the suitability and effectiveness of the module to the teachers and students. A total of 30 students selected as respondents in researching this consist of Malay, Chinese and Indians. This study used pre and pascaujian to see the effectiveness of the module. Of the tests conducted, there were differences in mean pre (3.53%) and pascaujian (12.3%). This proves that this module has a relevance and effectiveness of the students (7.50%). In addition, researchers using qualitative methods of questionnaire to get feedback from teachers and students about the effectiveness and suitability of the module. Based on studies that have been made available modules sing technique can be used by all teachers and students is weak because there are differences between the pre and pascaujian. In addition, this module sing technique can be used and shared with teachers from other schools.



**KANDUNGAN****Muka surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan kajian	3
1.4	Tujuan kajian	
	1.4.1 Tujuan am	7
	1.4.2 Tujuan khusus	7
1.5	Persoalan kajian	8
1.6	Batasan kajian	8
1.7	Definisi konsep	
	1.7.1 Keberkesanan	9
	1.7.2 Modul pengajaran	10
	1.7.3 Pantun	10
	1.7.4 Novel	10
1.8	Kepentingan kajian	11
1.9	Rumusan	12



**BAB 2****TINJAUAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	13
2.1	Tinjauan Literatur	13
2.2	Modul pengajaran	
2.2.1	Modul ASSURE	17
2.3	Teori pembelajaran	20
2.4	Teori pembelajaran kognitif	24
2.5	Teori pelbagai kecerdasan	30
2.5.1	Kecerdasan Verbal-linguistik	30
2.5.2	Kecerdasan Muzik	31
2.6	Teori Motivasi	32
2.7	Novel	34
2.8	Rumusan	35

BAB 3**METODOLOGI**

3.0	Pendahuluan	40
3.1	Modul Reka Bentuk Pengajaran	40
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	
3.2.1	Sampel Kebolehppercayaan	40
3.2.2	Sampel Keberkesanan Penggunaan Modul	41
3.3.	Alat Kajian	
3.3.1	Modul Novel	42
3.4	Set soalan praujian dan pascaujian	43
3.5	Set Format permarkahan Kertas 1 BM	44
3.6	Kaedah kajian	44
3.7	Prosedur pengumpulan dan penganalisan Data	45
3.8	Prosedur Menjalankan Kajian	46
3.9	Pelan Tindakan	46
4.0	Rumusan	48



**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	49
4.1	Perihal Sampel	
4.1.1	Guru	50
4.1.2	Pelajar	51
4.2	Dapatan kajian	
4.2.1	Soalan kajian 1	53
4.2.2	Soalan kajian 2	56
4.2.3	Soalan kajian 3	60
4.3	Perbincangan rumusan	
4.3.1	Soalan kajian 1	61
4.3.2	Soalan kajian 2	65
4.4	Rumusan	66

BAB 5**RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0	Pendahuluan	68
5.1	Kesimpulan Dapatan Kajian	
5.1.1	Soalan kajian 1	68
5.1.2	Soalan kajian 2	69
5.2	Perbincangan	70
5.3	Cadangan	
5.3.1	Guru	77
5.3.2	Kementerian Pendidikan Malaysia	77
5.3.3	Biro Buku Teks	78
5.3.4	Penerbitan Buku Kerja	78
5.4	Cadangan kajian Lanjutan	79



BIBLIOGARAFI	80
LAMPIRAN	84
Modul Teknik Berlagu Pantun	85
Soal Selidik Pelajar	97
Soal Selidik Guru	101



SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka surat
--------	------------

JADUAL 4.1	Latar Belakang Guru Bahasa Melayu	48
JADUAL 4.2	Latar Belakang Murid	50
JADUAL 4.3	Matlamat dan objektif yang jelas	51
JADUAL 4.4	Kesesuaian Bahan Bantu Mengajar	52
JADUAL 4.5	Keberkesanan Modul	54
JADUAL 4.6	Perbezaan min praujian dan pascaujian	58



SINGKATAN

RP	Reka Bentuk Pengajaran
PP	Pengajaran dan Pembelajaran
L	Lelaki
P	Perempuan
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UM	Universiti Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangs Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
KOMSAS	Komponen Sastera
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SRJK (Tamil)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)
SRJK(Cina)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)
ST	Sangat setuju
S	Setuju
KS	Kurang setuju
TS	Tidak setuju
STS	Sangat tidak setuju



BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan



Bab ini memaparkan latar belakang Komponen sastera (KOMSAS) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain itu, pernyataan masalah bagi menjelaskan fenomena yang timbul berhubung dengan kehadiran komponen ini turut dibincangkan. Dalam bahagian ini juga, dinyatakan objektif dan kepentingan kajian ini dilakukan. Soalan dan batasan kajian dinyatakan untuk dijadikan garis panduan serta ruang lingkup kajian ini. Pada akhir bab ini, dijelaskan pula definisi istilah bagi menerangkan maksud modul yang menjadi tumpuan kajian.





1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan adalah aspek penting dalam membentuk diri individu yang merupakan satu proses 'sosialisasi' atau pemasyarakatan dalam istilah sosiologi (Robiah 1994:1). Menurut Robiah (1994:7-9) lagi, fungsi yang paling jelas dimainkan oleh pendidikan adalah untuk meluaskan pengetahuan dan kemahiran tertentu, sebagai alat perpaduan, membentuk moral atau perkembangan individu serta menyediakan masyarakat untuk masa depan. Dalam hal ini, Bahasa Melayu boleh menjadi instrumen bagi memenuhi fungsi-fungsi tersebut.

Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan untuk menegakkan atau mendaulatkan Bahasa Melayu ini, lebih-lebih lagi bagi menyatukan rakyat berbilang kaum, Bahasa Melayu telah menjadikan syarat utama untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam seperti SRP/PMR, SPM/MCE dan STPM (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1982:84)

Sehubungan dengan itu, komponen Kesusasteraan Melayu telah diperkenalkan mulai Mac 2000. Pengenalan komponen baru ini sebenarnya selain daripada ketidakberkesanan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang dikenal pasti oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, pelaksanaannya secara langsung menyahut usul yang dikemukakan oleh GAPENA dalam mesyuarat agung ke-27 pada bulan Mac 1998,





mendesak Kementerian Pendidikan agar subjek Kesusasteraan Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran teras (Misran 1999: 70).

Pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini, meliputi unsur-unsur sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama cerita klasik dan puisi lama seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama (Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah 1987:10). Pada peringkat awalnya pengajaran KOMSAS diimplementasikan kepada pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat, manakala pada tahun 2001 akan pula dilaksanakan kepada semua pelajar tingkatan dua dan lima, dan seterusnya kepada semua pelajar (tingkatan 1,2,3,4 dan 5) pada tahun 2002. KOMSAS ini pula dinilai dalam peperiksaan awam iaitu PMR pada tahun 2002 dan SPM 2001.



1.3 Permasalahan Kajian

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan Malaysia pada semua peringkat persekolahan sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat menengah. Kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam SPM akan menyebabkan seseorang itu gagal mendapat tempat di IPTA dan gagal dalam SPM. Walaupun mereka mendapat pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran lain ataupun mendapat pangkat atau gred baik dalam peperiksaan (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1982:84)





1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan adalah aspek penting dalam membentuk diri individu yang merupakan satu proses 'sosialisasi' atau pemasyarakatan dalam istilah sosiologi (Robiah 1994:1). Menurut Robiah (1994:7-9) lagi, fungsi yang paling jelas dimainkan oleh pendidikan adalah untuk meluaskan pengetahuan dan kemahiran tertentu, sebagai alat perpaduan, membentuk moral atau perkembangan individu serta menyediakan masyarakat untuk masa depan. Dalam hal ini, Bahasa Melayu boleh menjadi instrumen bagi memenuhi fungsi-fungsi tersebut.

Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan untuk menegakkan atau mendaulatkan Bahasa Melayu ini, lebih-lebih lagi bagi menyatukan rakyat berbilang kaum, Bahasa Melayu telah menjadikan syarat utama untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam seperti SRP/PMR, SPM/MCE dan STPM (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1982:84)

Sehubungan dengan itu, komponen Kesusasteraan Melayu telah diperkenalkan mulai Mac 2000. Pengenalan komponen baru ini sebenarnya selain daripada ketidakberkesanan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang dikenal pasti oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, pelaksanaannya secara langsung menyahut usul yang dikemukakan oleh GAPENA dalam mesyuarat agung ke-27 pada bulan Mac 1998,



mendesak Kementerian Pendidikan agar subjek Kesusasteraan Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran teras (Misran 1999: 70).

Pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini, meliputi unsur-unsur sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama cerita klasik dan puisi lama seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama (Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah 1987:10). Pada peringkat awalnya pengajaran KOMSAS diimplementasikan kepada pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat, manakala pada tahun 2001 akan pula dilaksanakan kepada semua pelajar tingkatan dua dan lima, dan seterusnya kepada semua pelajar (tingkatan 1,2,3,4 dan 5) pada tahun 2002. KOMSAS ini pula dinilai dalam peperiksaan awam iaitu PMR pada tahun 2002 dan SPM 2001.

1.3 Permasalahan Kajian

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan Malaysia pada semua peringkat persekolahan sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat menengah. Kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam SPM akan menyebabkan seseorang itu gagal mendapat tempat di IPTA dan gagal dalam SPM. Walaupun mereka mendapat pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran lain ataupun mendapat pangkat atau gred baik dalam peperiksaan (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1982:84)



Dengan memasukkan KOMSAS (sebagai satu bidang sastera) dalam pengajaran Bahasa Melayu, bermakna semua pelajar sama ada aliran sains, sastera atau vokasional/ teknik akan mempelajarinya. Walau bagaimanapun mata pelajaran ini kurang diminati dan sesetengah pelajar khususnya bukan Melayu yang menganggap sukar dipelajari. Dengan mewajibkan semua pelajar (Melayu dan bukan Melayu) mempelajari KOMSAS ini adalah amat baik tetapi mungkin akan timbulnya masalah minat, pemahaman, penguasaan dan penghayatan yang lemah kepada pelajar yang akhirnya boleh merendahkan mutu dan peratus kelulusan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu itu nanti (Misran 1999:64).

Penghayatan yang lemah disebabkan sikap pelajar yang kurang membaca atau tidak membaca langsung novel. Segelintir pelajar akan membaca bahan KOMSAS apabila menghadapi ujian atau peperiksaan sahaja. Frank Smith (dalam Safiah Osman 1995:10), menyatakan proses membaca dianggap sebagai proses komunikasi kerana dengan perlakuan membaca berlaku pertukaran idea antara pengarang dengan pembaca.

Penyataan ini disokong oleh tokoh-tokoh negara barat seperti Benjamin S. Bloom, Frank Smith, C. Berrett, Santoz dan ramai lagi merupakan pengkaji-pengkaji yang terkenal dengan kajian berkaitan dengan membaca. Kebanyakan kajian tertumpu kepada dominasi kognitif. Di Malaysia terdapat satu penyelidikan yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertajuk *A Survey on the Reading Habit and Interest of the Malaysian People* (1984) telah menjadikan bahan rujukan tentang tabiat dan





kepentingan membaca oleh rakyat Malaysia. Kajian tersebut menunjukkan bahawa 74% rakyat Malaysia celik huruf manakala selebihnya iaitu 26% masih lagi dalam kategori buta huruf. Dapatan kajian selidik ini juga membuktikan bahawa meskipun masyarakat Malaysia boleh membaca tetapi mereka tidak menjadikan kegiatan membaca sebagai satu tabiat harian. Satu lagi kajian berkaitan tabiat membaca yang dijalankan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) oleh Frank Small & Associates (dalam Naffi Mat 2006:32), menunjukkan purata membaca rakyat Malaysia hanya dua buah buku sahaja setahun.

Selain faktor murid, guru juga mestilah menjadi seorang yang kreatif dengan idea-idea yang baharu supaya dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran. Guru yang bijak akan dapat mengajar mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan di samping pelajar dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kamarudin Haji Husin dan Siti Hajar (1999) berpendapat, bahan pengajaran dipilih dengan kehendak dapat mengembangkan minat serta menepati kurikulum dan mengikut model yang ditetapkan oleh pihak tertentu. Bahan yang dipilih mestilah sesuai dengan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran.

Menurut Ralph (dalam Hanizah Hussin, 2004:4) bagi menyediakan modul yang baik, objektif hendaklah ditetapkan terlebih dahulu untuk memenuhi keperluan murid-murid yang telah dipilih. Ini penting kerana objektiflah yang menjadi kriteria untuk memilih bahan, merangka isi pelajaran, membina prosedur pengajaran dan membuat





penilaian. Modul dikatakan dapat menimbulkan minat dan merangsang pancaindera pelajar serta dapat mengukuhkan lagi penguasaan isi pelajaran pelajar. Segala yang diinginkan dapat dilaksanakan jika pelajar dapat menumpukan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung dapat menyakinkan guru dan meningkat minat dan daya ingatan pelajar untuk terus belajar.

Guru yang baik dan cekap adalah guru yang memberikan rangsangan kepada pelajar bagi menimbulkan rasa minat dan rasa puas hati dalam pembelajaran. Bagi membentuk motivasi yang tinggi, guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan alat bantu mengajar bagi menarik minat pelajar supaya menghayati pelajaran. Ini adalah motivasi yang disalurkan secara tidak langsung kepada pelajar. Motivasi berperanan sebagai pendorong dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas. Ia juga bertindak sebagai penentu kecemerlangan pelajar dan mengawal tingkah laku mereka (Baharom Mohammad 2009: 74).

Selain itu, guru-guru tidak didedahkan dengan model-model dan teori-teori pengajaran yang mengupas bidang yang berkaitan dengan aspek reka bentuk dan pembinaan bahan pengajaran secara mendalam. Malah mereka juga tidak menyedari bahawa bahagian ini merupakan satu disiplin khusus dan mengikut Richey dan Reigeluth (dalam Baharom Mohammad 2010:32) reka bentuk pengajaran (RP) harus dianggap sebagai salah satu sains pengajaran.



Sekiranya guru tidak mengetahui kaedah reka bentuk pengajaran yang khusus, ini akan menyebabkan proses pengajaran tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya untuk mencapai objektif pengajaran guru dan objektif pembelajaran pelajar pada akhir pelajaran. Seterusnya akan menyebabkan kesan negatif terhadap keputusan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan penyediaan daripada segi reka bentuk pengajaran dan cara mengingat fakta bagi pengajaran novel dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, tujuan am dan tujuan khusus

1.4.1 Tujuan am

Kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam novel pelajar-pelajar tingkatan empat.

1.4.2 Tujuan Khusus

Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengkaji keberkesanan modul 'Teknik Berlagu Pantun' dalam pengajaran dan pembelajaran novel dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan pencapaian sederhana dan lemah.



- b) Menguji keberkesanan modul 'Teknik Berlagu Pantun' bagi pengajaran dan pembelajaran novel.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab sama ada modul berlagu pantun dapat membantu murid-murid membaiki pencapaian dalam novel. Bagi memenuhi keperluan penyelidikan, soalan berikut telah dikemukakan untuk kajian.

- 1.5.1 Adakah Modul 'Teknik Berlagu Pantun' dapat membantu murid-murid mengingat isi-isi penting nilai dan pengajaran yang ada dalam novel?



- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan pencapaian antara praujian dan pascaujian dalam ujian selepas murid-murid menggunakan modul Berlagu Pantun?

- 1.5.3 Sejauh manakah keberkesanan 'Teknik Berlagu Pantun' dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid?





1.6 Batasan kajian

1.6.1 Kajian ini dijalankan terhadap pelajar yang sederhana dan lemah dalam menjawab soalan novel di sekitar sekolah daerah Ipoh Perak.

1.6.2 Responden terdiri daripada tiga puluh orang pelajar tingkatan empat. Kelas ini dipilih berdasarkan tahap pencapaian pelajar yang sederhana dan lemah.

1.6.3 Penyelidik hanya mengkaji aspek-aspek tertentu sahaja dalam novel. Penyelidik hanya menumpukan perhatian kepada

i) Nilai dan Pengajaran.

ii) Novel Azfa Hanani



1.6.4 Penilaian akan dilakukan mengikut skema peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia iaitu mengikut permarkahan novel.

1.7 Definisi Konsep

1.7.1 Keberkesanan

Tahap pencapaian yang diperoleh pelajar tingkatan empat atau hasil sesuatu pembelajaran yang dikuasai oleh pelajar (Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi IV).





1.7.2 Modul Pengajaran

Satu rancangan pengajaran yang lengkap dengan matlamat, objektif, isi kandungan mata pelajaran, strategi dan latihan serta cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul ini disediakan untuk memudahkan guru dan pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan .

1.7.3 Pantun

Pantun adalah sejenis puisi tradisional masyarakat Melayu yang wujud sejak zaman berzaman. Mengikut sejarah, pantun wujud sejak zaman masyarakat Melayu tidak tahu menulis dan membaca lagi. Pantun dicipta sebagai suatu bentuk pengucapan untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang ataupun mengenai sesuatu perkara di samping bertujuan untuk menyindir, berjenaka dan memberi nasihat serta untuk bersuka-suka.

1.7.4 Novel

Novel ialah cerita kesusasteraan yang ditulis seseorang penulis. Novel diterjemahkan sebagai cerita panjang. Novel yang mudah ialah 'hero' yang mudah dikenali. Plotnya berdasarkan permulaan, konflik dan peleraian. Novel biasanya mengisahkan watak seseorang dan watak sampingan dalam bentuk yang panjang. Tebal dan panjang novel ini amat diambil kira.





1.8 Kepentingan Kajian

Pada peringkat yang paling asas dalam pembelajaran, pelajar dikehendaki mengingat fakta yang dipelajari. Jika pelajar dapat mengingat semua yang berkaitan, maka semakin baiklah pelajar itu. Menurut Bloom (dalam Suppiah Nachiappan 2009:65) kemahiran ini merupakan asas kognitif pertama atau paling rendah dalam proses pembelajaran. Dengan mengingat, pelajar boleh menyatakan semula, menunjuk, mengenal pasti, melebal dan menyenaraikan fakta yang diketahui. Oleh yang demikian, suatu kaedah atau modul yang berkesan dan relevan perlu digunakan dalam pengajaran guru untuk memastikan pelajar dapat mengingat isi-isi penting dengan baik dan cemerlang. Hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada golongan pendidik bahasa, guru sastera sebagai bahan Pengajaran dan Pembelajaran. Selain itu modul ini dapat diguna dalam subtopik yang lain dalam bahasa Melayu.

Dengan kata lain, guru-guru akan dapat menilai keberkesanan sesuatu modul atau rekabentuk pengajaran bagi membantu mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran pelajaran dalam mengingat isi-isi penting. Melalui cara ini, guru akan cuba memperbaiki kelemahannya dalam penyediaan reka bentuk pengajaran serta merangka strategi yang sesuai dan mantap untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam menjawab soalan novel. Pengkaji yakin bahawa modul ini boleh dipraktikkan secara meluas oleh semua guru Bahasa Melayu di seluruh sekolah menengah di negara ini untuk mencapai matlamat sebenar dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran.





Selain itu, hasil kajian ini akan menyumbang input kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum bagi merangka strategi untuk guru-guru menghadapi dan menangani sebarang fenomena. Fenomena ini merangkumi permasalahan dari segi bahan-bahan pengajaran, modul dan kaedah dan sebagainya.

1.9 Rumusan

Walaupun mengingat bukanlah aktiviti berfikir yang tinggi, tetapi jika fakta yang perlu diingat terlalu banyak dan tidak teratur pula, maka tentulah ini agak sukar. Sebagai guru Bahasa Melayu (BM), kita harus meringankan beban menghafal yang dihadapi oleh pelajar dengan mencipta pelbagai kaedah-kaedah yang menarik. Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat membantu pelbagai pihak menangani masalah pelajar yang lemah mengingat fakta-fakta yang dipelajari.

